

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 19 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 14

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan langkah untuk menyusun semula projek penanaman semula getah dan kelapa sawit kepada pekebun kecil yang masih tidak dapat diuruskan dengan sempurna oleh agensi terbabit termasuk RISDA dan lain-lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui RISDA memberi bantuan kepada pekebun kecil melaksanakan tanam semula getah. Pendekatan tanam semula yang diperkenalkan oleh RISDA adalah:

- i. Tanam Semula Individu (TSI) iaitu pekebun kecil mengusaha dan menguruskan sendiri kebun mereka.
- ii. Tanam Semula Berkelompok (TSB) iaitu sekumpulan pekebun kecil sekurang-kurangnya 8 orang mengusahakan kebun-kebun mereka sendiri, dengan diuruskan oleh jawatankuasa yang dilantik dari kalangan mereka.
- iii. Tanam Semula Komersil (TSK) iaitu pekebun kecil bersetuju supaya kebun mereka diusaha dan diuruskan oleh anak

syarikat RISDA dengan satu kontrak perjanjian yang dipersetujui bersama.

- iv. Tanam Semula Agensi (TSA) iaitu Agensi (FELDA, FELCRA, JAKOA, KESEDAR) mengusaha dan menguruskan projek tanam semula bagi kebun-kebun peneroka atau peserta di bawah kawal selia Agensi berkenaan di mana RISDA menyalurkan bantuan bagi projek tanam semula tersebut.

2. Bagi memastikan kejayaan projek penanaman semula getah yang diusaha dan diuruskan oleh pekebun kecil, RISDA melaksanakan beberapa program seperti:

- i. Bimbingan dan Latihan Amalan Pertanian Baik (GAP) secara berterusan di dalam kebun bertujuan memberi pengetahuan dan teknik yang tepat serta menerapkan kaedah pengurusan kebun yang betul dan sempurna untuk diamalkan oleh pekebun kecil.
- ii. Latihan Teknikal di Institut Kemajuan Pekebun Kecil (IKPK) bertujuan memberi pengetahuan dan teknik yang tepat mengikut norma-norma yang sesuai dengan penggunaan teknologi yang disyorkan.
- iii. Kursus Pembangunan Pekebun Kecil bertujuan memberi kesedaran dan motivasi ke arah perubahan sikap, minda dan jati diri.

3. Dengan pelaksanaan program di atas projek penanaman semula getah boleh dijayakan dan diuruskan dengan sempurna oleh pekebun kecil.

4. Walau bagaimanapun, RISDA turut mengambil maklum bahawa terdapat beberapa isu yang mempengaruhi program tanam semula getah dan kelapa sawit. Ini termasuklah kos pembangunan kebun yang semakin meningkat terutamanya bagi kerja-kerja menebang, membina teres dan membuat pagar. Selain itu, kekurangan infrastruktur prasarana asas pertanian terutamanya bagi kebun yang jauh dari jalan utama juga

menyebabkan kesukaran untuk menghantar anak benih dan baja, pelaksanaan aktiviti GAP dan pengeluaran hasil.

5. Sehubungan itu, RISDA telah mengambil tindakan proaktif untuk menangani isu tersebut seperti:

- i. menggalakkan penanaman semula dilaksanakan secara berkelompok atau berkumpulan melalui seperti Tanam Semula Berkelompok atau Tanam Semula Serentak supaya kos sewaan jentera, kos tenaga kerja dan lain-lain kos pembangunan tanah dapat dijimatkan apabila keluasan tanah dibangunkan dalam skala lebih besar.
- ii. Selain itu, Prasarana Asas Pertanian seperti jalan pertanian, pembentung, parit, jambatan dan sebagainya dapat dibina secara berkelompok bagi memudahkan pekebun kecil menyelenggara kebun serta mengeluarkan hasil kebun.

6. Usaha-usaha penambahbaikan ini akan dapat memastikan projek penanaman semula getah dan kelapa sawit dapat dilaksanakan oleh pekebun kecil dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.